

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.10.2014

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan harta tanah yang dimiliki oleh warga asing dengan pecahan rumah pangsa, rumah kondominium, pangsapurai, ladang , tanah kosong mengikut setiap negeri dari 2005 hingga 2014.

JAWAPAN

JPPH tidak menyimpan atau mempunyai rekod pemilikan harta tanah oleh warga asing di Malaysia memandangkan JPPH bukanlah agensi pendaftar kepada pemilikan harta tanah di Malaysia. JPPH berpandangan bahawa tiada pihak/agensi yang mempunyai maklumat/rekod tersebut secara

tepat termasuk pihak berkuasa tempatan mahupun kerajaan negeri.

Peranan utama JPPH adalah memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mengenai penilaian dan perkhidmatan harta tanah bagi pelbagai maksud seperti cukai keuntungan harta tanah, duti setem, pembelian/penjualan, pembermilkan tanah, pengambilan tanah, perubahan kategori tanah, penswastan dan pengkorporatan, pinjaman perumahan kerajaan, sewaan/pajakan, dan sebagainya. JPPH juga menjadi pakar runding kepada kerajaan dalam perkhidmatan harta, menerbit dan menyebarkan informasi harta tanah, menjalankan penyelidikan berkaitan bidang harta tanah dan menyediakan latihan dalam bidang berkaitan penilaian dan perkhidmatan harta